

# Hijaukan 30 peratus permukaan bumi menjelang 2000— Mahathir

KUALA LUMPUR 27 April — Malaysia hari ini mencadangkan satu program komprehensif alam sekitar dunia yang antara lain meminta masyarakat antarabangsa menetapkan sasaran untuk menghijaukan sekurang-kurangnya 30 peratus dari permukaan bumi menjelang tahun 2000.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang nengemukakan cadangan itu

berkata, sasaran itu yang merupakan langkah pertama program berkenaan tidak mustahil dicapai memandangkan sekarang ini 27.6 peratus muka bumi sudah diseliputi oleh hutan.

Serentak dengan itu beliau mengumumkan Kerajaan Malaysia menetapkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada muka bumi negara ini akan kekal diseliputi oleh hutan.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapannya merasmikan Persidangan Peringkat Menteri Kedua Negara-negara sedang membangun mengenai Pembangunan dan Alam Sekitar di sini.

Dr. Mahathir berkata, semua negara di dunia ini harus menetapkan sasaran penghijauannya.

Katanya, mana-mana nega-

ra yang tidak mempunyai tanah yang sesuai harus memberi sumbangan kewangan kepada negara sedang membangun yang mempunyai tanah berkenaan.

Menurutnya, negara-negara maju khususnya tidak harus mendapatinya sukar kerana mempunyai kewangan, teknologi dan sumber.

Katanya, mereka dapat mengalihkan subsidi dari ladang-ladang mereka yang tidak efisien bagi digunakan untuk mewujudkan hutan di tanah ladang berkenaan.

Beliau berkata, dengan ini tidak ada sumber kewangan baru diperlukan dan hasilnya penghijauan lebih banyak

Dr. Mahathir mencadangkan penubuhan segera sebuah tabung peringkat dunia untuk membiayai sasaran penghijauan berkenaan.

## Sumbangan

Katanya, sumbangan kepada tabung itu haruslah diasaskan pada jumlah penduduk, kekayaan dan kemampuan mencapai sasaran penghijauan dan faktor-faktor berkaitan yang lain.

Namun begitu, tegasnya, cadangan ini harus mercapai persefahaman mengenai kedaulatan hak untuk pembangunan setiap negara.

Perdana Menteri berharap cadangan berkenaan akan mewujudkan satu semangat kerjasama antarabangsa di mana sumber dunia dikongsi bersama.

"Sekiranya berjaya, kita sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah alam sekitar,"katanya.